

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos
2014
2 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2014

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 1: Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan penggunaan teknologi maklumat terhadap generasi muda dan peranan ibu bapa untuk menanganinya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Teknologi maklumat merupakan satu daripada bentuk teknologi yang berdasarkan jaringan hubungan yang melibatkan komuniti di seluruh dunia. Namun perubahan teknologi yang berdasarkan inovasi moden ini telah membentuk sekelompok *insan yang obsesi* dengan penggunaannya sehingga menyebabkan murid-murid sekolah tidak mampu melakukan apa-apa sahaja tanpa bantuan teknologi maklumat.

Penggunaan telefon mudah alih, komputer, dan televisyen telah membentuk kumpulan remaja yang terdorong untuk menjalankan aktiviti riadah hanya melalui atas talian. Bayangkan dengan hanya RM1 sahaja mereka mampu untuk melayari Internet dan menggunakan pelbagai jenis permainan yang menyeronokkan. Hal inilah yang menjadi unsur gangguan kepada remaja sehingga mampu mengubah pemikiran, hasrat dan keupayaan seseorang dalam menekuni sesuatu perkara yang dilakukan. Dalam konteks pelajar, aktiviti yang berbentuk proses pembelajaran akan terganggu dengan wujudnya faktor penarik yang terdapat dalam permainan atas talian yang ditawarkan oleh teknologi maklumat dan komunikasi.

Selain itu, isu ini melibatkan masa dan tenaga serta kos yang dibazirkan semasa menggunakanannya. Sebagai contohnya, pengguna tidak perlu lagi berpakaian sukan yang lengkap untuk menjalani aktiviti sukan yang digemari. Mereka hanya memerlukan peralatan teknologi sahaja. Bayangkan, cara hidup masyarakat yang dikuasai oleh teknologi. Mereka akan hilang nilai kemasyarakatan yang sebenarnya dapat dinilai keikhlasannya. Nilai kekeluargaan, semangat setia kawan dan hubungan sosial yang berkesan secara bersemuka, semakin pupus.

Muka buku atau *Facebook* banyak mengganggu rutin kehidupan seseorang yang berhasrat memenuhi naluri kehidupan mereka secara fitrah. Penggunaannya yang melampaui had akan memberikan impak negatif yang akan mengganggu proses pembelajaran sosial remaja. Kehidupan sebagai remaja sepatutnya diisi dengan aktiviti berkumpulan yang sesuai dengan sifat semula jadi remaja yang gemar akan cabaran dan sesuatu yang baharu yang mampu menguji keupayaan fizikal dan mental mereka. Namun kini, remaja tidak lagi melakukan aktiviti secara bekerjasama atau berkumpulan. Semua elemen dan nilai yang perlu dimiliki oleh remaja ini sukar untuk dipenuhi oleh aktiviti yang berdasarkan teknologi kerana perantaranya ialah alat dan media atas talian.

[Lihat halaman sebelah

Perkembangan teknologi maklumat, khususnya untuk tujuan hiburan dan riadah merupakan perkara yang mengganggu proses perkembangan fizikal dan mental remaja. Sebenarnya aktiviti hiburan dan riadah ini masih perlu dijalankan secara manual dan semula jadi. Kegiatan ini masih memerlukan hubungan kemanusiaan, tambahan pula tubuh badan kita masih perlu dibasahi peluh yang keluar secara semula jadi untuk kesihatan yang baik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknologi Menganggu Remaja'
oleh Noor Azam Abdul Rahman,
Dewan Siswa, Disember 2013

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *insan yang obsesi*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, bagaimakah remaja sepatutnya mengisi masa lapang mereka? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah punca penyalahgunaan teknologi maklumat dalam kalangan remaja? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PAK MAN : Apa pun, dia tetap balik, Sabariah. Begitulah. Kita sebagai anak, kena bertanggungjawab apabila musibah menimpa ketua keluarga kita. Kalau tidak kamu semua, siapa yang hendak emak kamu harap? Kadang-kadang anak-anak tidak tahu, bagaimana kasih seorang ibu terhadap anak-anaknya. Kasih seorang bapa terhadap kebahagiaan anak-anaknya. (*Cuba memberi nasihat*) Kita tidak dapat menyelami hati budi emak bapa kita. Perasaan mereka... . Yang paling susah kamu hendak faham ialah bagaimana kasihnya seorang isteri terhadap suaminya. (*Berhenti seketika*) Itulah emak kamu. Seorang isteri yang setia. Seorang ibu dan isteri mithali. Dia yakin suaminya belum mati. Itulah jenis orang yang akan menjadi ahli syurga.
Wallahuaklam.

SABARIAH terasa dengan sindirian PAK MAN. Kata-kata PAK MAN sungguh tajam. Mereka semua terdiam kaku. Kelu lidah mereka untuk menjawab. Ketika ini, SANI muncul membawa buku-buku bank simpanan yang diberikan oleh emaknya tadi. Sebaik sahaja sampai, SANI membahagikan buku-buku bank itu kepada yang empunya.

SANI : Pak Man (*menegur PAK MAN*). Bang, kak, ini buku simpanan yang bapa buka akaun untuk kak ngah. Emak suruh pulangkan. Semaklah baki dalam buku itu. Ini abang long punya. Yang ini abang alang punya dan ini kak teh punya. (*Mula terasa sebak*) Tengoklah isi kandungannya. Tengoklah.

Masing-masing seperti tidak percaya dengan perkara yang mereka lihat.

SABARIAH : Bapa tidak gunakan duit yang angah beri!

SABRI : Ya Allah.... . Apa ni?

SHAHRUL cuma menggeleng-gelengkan kepalanya kehairanan.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SANI : Sekarang semua sudah tahu kenapa bapa tetap turun ke laut, bukan? (*Bercakap tersekat-sekat, menahan kesedihannya*) Kononnya bapa menyusahkan kita. Emak menyusahkan kita. Tetapi semua sangkaan kita meleset. Sekarang kakak, abang, ambillah duit itu balik. Emak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Emak pesan, suruh sampaikan kepada kakak dan abang semua. Baliklah, itu saja pesan mak. Sani tidak tambah satu ayat pun.

Dipetik daripada ‘Tiang Cengal Dinding Sayung’
oleh Suriani Mohd. Yusof
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan **dua** pesanan emak kepada anak-anaknya seperti yang telah disampaikan oleh Sani. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang patut dilakukan oleh anak-anak untuk menghargai jasa ibu bapa mereka? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada keseluruhan drama itu. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah maka Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi pun turun mandi. Maka Raja Indera Bumaya pun turun berjalan di tepi kolam itu, seorang pun tiada melihat dia. Maka Raja Indera Bumaya pun berlindung pada pohon kemunting. Maka baginda pun menjadikan dirinya seekor burung bayan terlalu indah-indah rupanya. Syahadan, adapun matanya itu daripada pusparagam dan kakinya daripada emas. Maka bayan itu pun hinggap pada pohon kemunting itu seraya berbunyilah terlalu merdu suaranya.

Setelah didengar oleh Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi bunyi bayan itu maka tuan puteri pun memandang ke atas pohon kemunting itu. Maka dilihat oleh tuan puteri seekor burung bayan *terlalu indah rupanya*. Maka kata tuan puteri kepada inangda, “Tangkaplah bayan itu.” Maka inangda pun segeralah naik hendak menangkap bayan itu. Maka bayan itu pun terbanglah ke atas puncak kemunting itu. Maka sembah inangda kepada tuan puteri, “Tiada dapatlah patik menangkap bayan ini.” Setelah didengar oleh tuan puteri sembah inangda itu, maka titah tuan puteri kepada seorang dayang-dayang, “Pergilah diri tangkapkan kami bayan itu.” Maka dayang-dayang itu pun segeralah berbangkit naik dari kolam itu dengan kainnya basah. Maka dijolok oleh dayang-dayang itu hendak menangkap bayan itu. Maka bayan itu pun terbanglah pula kepada suatu dahan kepada suatu dahan seraya tertawa. Maka sembah dayang itu, “Ya tuanku tuan puteri, tiada tertangkap bayan itu terlalu liarnya burung ini.” Maka disuruh seorang lagi tiada juga tertangkap bayan itu. Maka tuan puteri pun berkata kepada dayang, “Tangkap juga.” Maka sembah dayang-dayang itu, “Kalau-kalau tuanku sendiri gerangan dapat menangkap bayan itu.” Maka tuan puteri pun tersenyum seraya naik dengan kain basahnya juga. Maka bayan itu pun hinggap pada tangan tuan puteri itu. Maka tuan puteri pun terlalu sangat sukacitanya mendapat bayan itu.

Dipetik daripada
‘Hikayat Langlang Buana’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *terlalu indah rupanya*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **tiga** keistimewaan burung bayan. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah tujuan seseorang itu melakukan penyamaran? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 2 (d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GURINDAM 12 FASAL YANG KEENAM

Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan guru,
Yang boleh tahuhan tiap seteru.

Cahari olehmu akan isteri,
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setiawan.

Antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud,
Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat. [2 markah]
- (ii) Dalam gurindam tersebut, penyair ada menyuruh kita mencari kawan.
Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri kawan yang baik? [3 markah]
- (iii) Kemukakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]***Jawab semua soalan.*

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- | | | | |
|-------|-----------|---|-----------|
| (i) | menatap | – | meratap |
| (ii) | menempa | – | menempah |
| (iii) | mentafsir | – | mentaksir |

[6 markah]

- (b) Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- | | |
|-------|---|
| (i) | Tanggungjawab menyara keluarga akan saya pikul setelah ayah meninggal dunia. |
| (ii) | Kerja-kerja pengukuhan cerun bukit yang sering berlaku tanah runtu sedanggiatan dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. |
| (iii) | Semenjak program kitar semula dilancarkan oleh kerajaan, tahap kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar semakin meningkat. |

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sastra Melayu tradisional merupakan cermin masyarakat Melayu lama yang hidup berkurun-kurun sebelum kelahiran kita.
- (ii) Statistik kemalangan jalan raya sering merekod para pengguna motorsikal sebagai mangsa kemalangan maut yang paling tinggi jumlahnya.
- (iii) Penjawat awam perlu memperkuuh cara berkomunikasi demi merialisasikan aspirasi kerajaan yang utamakan prestasi dan kehendak pelanggan.

[6 markah]

(d) Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Masalah jual beli orang perlu ditangani dengan serius dan bersungguh-sungguh oleh pihak berkuasa negara serantau. Perkara ini memerlukan sentimen yang tinggi dan kerjasama yang bersepadan di antara negara yang terlibat. Jika sekiranya kerjasama tidak ditingkatkan, sudah tentulah usaha-usaha untuk memberkas aktiviti ini akan terjejas. Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam perkara ini haruslah bekerjasama rapat dengan rakan sejawatan mereka daripada negara lain. Tindakan proaktif ini perlu dilakukan untuk memastikan aktiviti tersebut dapat ditangani dengan berkesan.

[6 markah]

(e) Baca peribahasa di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa lain yang mempunyai maksud yang sama atau hampir sama dengan peribahasa tersebut.

- (i) Mencurah air ke daun keladi.
- (ii) Genggam bara api biar sampai jadi arang.
- (iii) Sokong membawa rebah.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
 - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Pengarang menggunakan beberapa teknik dalam karyanya untuk membentuk plot dan menyampaikan ceritanya.
- Huraikan dua teknik plot daripada sebuah novel yang telah anda pelajari. [7 markah]
- (b) Jelaskan persamaan dan perbezaan latar masyarakat dalam dua buah novel yang telah anda kaji. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT